

Setiap satu artifak ini berusia ratusan tahun, bernilai jutaan ringgit selain tidak pernah dipamer di mana-mana tempat selain Istana Musim Panas yang terletak di Beijing, China.

Malah, bagi penduduk negara berkenaan, mereka sukar melihat artifak ini dengan lebih dekat kerana hanya boleh dilihat dari jauh dalam jarak sekitar lima hingga 10 meter.

Ini kerana ada artifak milik peribadi Maharaja Qianlong yang mentadbir China ketika era kemasyhuran Dinasti Qing yang bermula pada 1644 dan milik Maharani Balu Cixi ketika era pemerintahan Guangxu pada 1886.

Bagi penduduk China, bukan sebarang orang dapat menatap artifak ini dari dekat lantaran kawalan ketat bagi menjaga artifak berkenaan daripada kerosakan atau jenayah.

Namun, menerusi kerjasama Muzium Negara Malaysia dan Istana Musim Panas, China, buat kali pertama 74 artifak bersejarah ini dipamerkan di Muzium Negara menerusi pameran Khazanah Dari Istana Musim Panas, China yang dirasmikan oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz pada 17 Disember lalu.

Jelas sekali 74 artifak ini

# ARTIFAK \$\$\$ JUTA di Muzium Negara

Metro 21/12/14 MS 54

## Barangan Istana Musim Panas Beijing julung kali kali dibawa ke Malaysia




NAZRI bersama delegasi dari China melihat artifak yang dipamerkan di Muzium Negara.



IBRAHIM

mempunyai nilai tinggi berikutan hanya wujud satu di dunia, menggunakan material yang melambangkan kekayaan maharaja China selain membuktikan kehalusan ukiran serta kesenian masyarakat China zaman dulu.

Ketua Pengarah Muzium Negara, Datuk Ibrahim Ismail berkata, usahasama bagi membawa artifak ini di-



#### **PATUNG GANGSA WHITE TARA**

- Dihasilkan pada era Dinasti Qing
- Ia menggambarkan dewa Buddha Tibet
- Patung ini diperbuat daripada gangsa



#### **HIASAN JED PUTIH**

- Patung diukir daripada batu jed putih menyerupai gambaran seseorang memikul barang
- Artifak ini dipercayai dihasilkan pada era perang China purba antara 221 hingga 206 Sebelum Masihi



#### **SET MINUMAN BERUKIR DARI PERAK**

- Merangkumi set gelas perak, bekas air dan bekas makanan diperbuat daripada perak
- Artifak ini milik maharaja pada pemerintahan Dinasti Qing



#### **CEREK AIR GANGSA**

- Antara artifak lama dipercayai dihasilkan pada era perang China purba antara 221 hingga 206 Sebelum Masihi
- Kemungkinan asalnya diguna untuk memasak air dan sebagai tempat simpanan air maharaja